

27/10/2003

Cara BN berkongsi beri kebaikan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Rakyat (PPP) di PWTC. Berikut adalah sedutan ucapan beliau.

SUDAH setengah abad berlalu, walaupun ada masa PPP nampak seolah-olah akan hilang dari muka bumi ini tetapi jelas yang kepemimpinan baru di bawah Datuk M Kayveas berjaya menghidupkan semula PPP. Saya telah mengikuti ucapan yang disampaikan presiden PPP, saya ucap tahniah kerana kefasihannya menguasai bahasa kebangsaan, saya sendiri akui saya tidak pandai berpantun, jadi jangan harap saya dapat menjawab.

Tetapi nampak jelas ucapannya disediakan dengan begitu berhati-hati dan meliputi segala yang penting dalam politik dan sosial serta ekonomi negara kita.

Ada perkara yang amat berguna sebagai panduan kepada kerajaan terutama berkenaan kesedihan mereka yang berkahwin dengan orang asing. Tentulah masa kahwin mereka bercinta dan seronok tetapi malangnya kadang-kadang suami tidak dapat menjadi warga negara.

Kadang-kadang isteri kena pergi ke Alaska dan macam-macam lagi masalah yang dihadapi oleh mereka. Tetapi masa beliau buat ucapan, Pak Lah sebagai Menteri Dalam Negeri telah hantar satu nota kepada saya yang sebut kita sudah beri taraf kewarganegaraan kepada ramai daripada mereka yang memenuhi syarat-syarat untuk jadi warga negara.

Kita tidak hendak hilang rakyat kita kerana mereka jatuh cinta dan berkahwin. Orang tidak membuat pertimbangan betul apabila sudah jatuh cinta itulah sebabnya ada yang agak malang. Tetapi kita bersimpati dengan mereka dan telah beri banyak peluang kepada mereka untuk menjadi warga negara.

PPP ialah satu daripada anggota parti campuran Barisan Nasional (BN) satu daripada 14 buah parti. Kita gembira PPP dapat dihidupkan semula dan saya yakin PPP akan mainkan peranan penting dalam pilihan raya akan datang sama ada PPP dapat kerusi atau tidak, bukan lagi menjadi tanggungjawab saya.

Oleh itu layanlah dengan baik pengganti saya, saya yakin pengganti saya akan bagi pertimbangan yang adil dan saksama kepada PPP pada masa sama kita harus ingat akan prinsip perjuangan parti campuran BN iaitu prinsipnya ialah kita tolong menolong kita tidak bermusuh dengan parti-parti lain.

Kita BN bekerjasama walaupun kadang kala berlaku perselisihan faham antara satu parti dengan parti yang lain kalau ada perselisihan faham kita harus selesai secara tertutup di antara kita sesama kita dalam keluarga BN

dengan itu kita dapat selamatkan perpaduan kita.

Kalau kita buat teguran kepada parti lain kerana mereka mungkin tidak menjalankan tugas seperti yang dikehendaki tentulah mereka akan balas dengan cara yang sama dan ini akan menyebabkan ketegangan sesama kita demikian juga dengan keadaan saya bekerja dengan kerajaan Malaysia selama 22 tahun.

Saya bersyukur kerana kerjasama yang baik diberikan kepada saya sama ada oleh pegawai dan kakitangan kerajaan, tetapi tentulah ada sebilangan yang tidak buat kerja dengan baik dan mungkin terbabit dengan rasuah dan sebagainya.

Tetapi hanya kerana sebilangan kecil ini terbabit janganlah kita menyebabkan tersentak hati mereka yang betul-betul bekerjasama dengan kita.

Tidak mungkin negara kita dimajukan tanpa jentera kerajaan yang mampu menjalankan tugas mereka dengan baik. Saya berpendapat bahawa Datuk M Kayveas baru saja berada dalam kerajaan dan kadang-kadang terdapat satu dua yang tidak bagi kerjasama tetapi saya yakin dia sendiri akan mengakui bahawa majoriti kakitangan menghulurkan kerjasama. Walaupun Jabatan Perdana Menteri (JPM) agak gelap atau gelap sedikit tetapi orang yang bekerja semua cerah.

Kita tidak boleh menjangkakan semua orang itu sempurna. Saya boleh bekerja dengan orang lain kerana saya tidak menjangka orang lain sempurna sebab saya sedar saya sendiri tidak sempurna.

Saya tidak ada hak untuk menjangka semua orang itu sempurna dan sebab itulah saya kira saya boleh bekerjasama dengan sebahagian besar pemimpin dalam BN.

Walaupun ada kalanya sukar tetapi kita perlu menghadapinya bagi mengelakkan konfrontasi dan kita cuba menghuraikan masalah bersama-sama. Saya yakin sedang menjadi lebih aktif dan menyertai pentadbiran negara PPP

juga akan mempelajari budaya BN. Kita harus memahami bahawa BN adalah sebuah gabungan yang wujud sebelum pilihan raya dan ia bukanlah gabungan dibentuk selepas pilihan raya iaitu apabila sesebuah parti itu tidak mempunyai kerusi yang cukup bagi membentuk kerajaan.

Kita bekerjasama sebelum pilihan raya dan ketika pilihan raya kita bantu calon lain kerana di tempat yang kita bertanding mereka akan bantu kita kalau kita tidak bantu calon yang lain maka mereka tidak akan bantu calon

kita dan kita akan kalah dan mereka juga akan kalah dan BN akan kalah. Cara BN ialah dengan berkongsi kita tidak tamak kita tidak ambil semua untuk diri kita saja.

Kita sanggup memberi sebahagian kepada pihak lain yang juga berhak dan pihak lain juga pun memberi kepada kita bahagian yang berpatutan bagi kita. Dengan cara ini, cara berkongsi ini kita dapat cetuskan keamanan dalam negara kita. Negara kita terkenal kerana ia aman walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan kaum-kaum ini menganuti agama yang berbeza.

Kita tidak ada keadaan seperti di negara lain, yang mana kaumnya sama,

agamanya berbeza atau pun agama sama kaum berbeza, tetapi di Malaysia agama berbeza kaum berbeza, bahasa berbeza, budaya berbeza, tetapi kita dapat hidup rukun damai dalam negara kita ini.

Kita dapat bekerjasama kerana kita tidak terlampau. Tidak ekstrem dan kita tidak tamak, kita ambil bahagian kita. Dan kita sedia menyerahkan sebahagian kepada orang lain, kita kongsi sama rata membuat semua orang menikmati apa yang kita peroleh. Inilah cara kita. Ada orang menyanyi lagu

My Way. Dulu saya marah kenapa menyanyi lagu My Way, kerana ia bermula dengan "and now the ends is near" (dan sekarang akhirnya semakin dekat). Tetapi sekarang tak apa, dalam tempoh enam hari lagi, saya akan mengundur

diri, jadi akhir itu semakin dekat. Jadi, nyanyikanlah lagu My Way.

Kita perlu percaya kepada kebolehan diri kita, tiap-tiap manusia mempunyai kebolehan dan kebolehan itu akan memberi kejayaan kalau ia menggunakan kebolehan itu secara yang baik, umpamanya kita mungkin belajar

sehingga mendapat ijazah Phd, itu adalah kebolehan kita, tetapi kalau budayanya tidak baik maka kita guna kecekapan kita itu untuk merancang bagaimana menyamun sebuah bank, umpamanya.

Ini kerana kita tahu banyak perkara berkaitan operasinya dan terlalu terpelajar tetapi budayanya tidak baik sebab itu kita bukan perlu kepada ilmu pengetahuan saja, kita perlu bentuk budaya yang baik yang boleh memberi kebaikan kepada kita, kejayaan kepada kita. Dan kita di Malaysia,

dari segi politik, mempunyai budaya yang baik kita tidak tamak, sanggup berkongsi kuasa dan kemewahan hidup di negara kita.

Sebab itu walaupun kita mempunyai 14 parti komponen ini tidak menjadi masalah, kita boleh bekerjasama sesama kita, berunding dan kadang-kadang ada yang tidak puas hati dan puas hati tetapi untuk menyelesaikan segala rintihan kita lakukan melalui rundingan.

Soal pendekatan antara kaum, di Malaysia ini kita telah perkenalkan banyak cara yang tidak terdapat di negara lain. Semalam orang India, kaum

Hindu merayakan Deepavali, kita juga semua merayakan, bukan mereka saja, kita pun bersama-sama, termasuk Yang di-Pertuan Agong bersama-sama merayakan.

Kalau Hari Raya, orang Melayu, orang Islam semua merayakannya, tidak ada

satu acara kaum yang tidak dirayakan oleh semua kaum lain kerana kita suka

meriahkan semua pihak dan sekarang ini kita ada perayaan secara besar-besaran untuk Deepavali, Hari Krismas, Hari Raya, Tahun Baru Cina, semuanya diadakan perayaan secara besar-besaran, pesta di peringkat negara

bukan saja pesta bagi kaum berkenaan saja tetapi `national festival`.

Di dunia ini tidak ada negara lain yang membuat apa yang kita buat dalam

masa yang sama ada rumah terbuka masa perayaan tidak kira kaum apa agama mereka, kita ingin supaya penganut apa, kaum apa agama pun akan hidup sempurna dalam negara kita, itu adalah cara kita untuk merapatkan hubungan

antara kaum, antara penganut agama yang berlainan sebab itu kita ingin melihat jika boleh rakyat kita ke sekolah kebangsaan bukan untuk

membelakangkan sekolah-sekolah bahasa lain tetapi sekolah kebangsaan supaya kita dapat merapatkan anak-anak kita sejak awal lagi seperti kata Presiden PPP di waktu rebung lagi.

Saya tidak berapa pandai dengan pepatah, sewaktu awal lagi kita bentuk dengan itu ia akan membesar dengan bentuk yang telah kita tentukan.

Sebab

itu kita hendak anak-anak kita pergi ke sekolah kebangsaan tetapi di masa

yang sama kita tidak hapuskan sekolah bangsa lain, sekolah Tamil, sekolah

Cina.

Ia dikekalkan tetapi cara kita sengaja mengasingkan diri sehingga sekolah kebangsaan dipenuhi kanak-kanak Melayu saja, orang Cina di sekolah

Cina, orang India di sekolah Tamil saja, maka sudah tentu kita sukar merapatkan hubungan dan membentuk corak rakyat Malaysia awal-awal lagi.

Oleh kerana kurang sambutan terhadap sekolah kebangsaan kita cuba merapatkan hubungan lantas kita tubuhkan sekolah wawasan. Sekolah wawasan

bermakna kita tempatkan tiga sekolah dalam satu kawasan kampus dengan itu

sekurang-kurang apabila perhimpunan pelajar berkumpul bersama dan selepas

itu bermain bersama. Dengan itu kita dapat rapatkan hubungan anak kita.

Malangnya ada puak ekstrem yang tidak mahu sekolah wawasan dan menuduh kerajaan kononnya menghapuskan bahasa mereka, bahasa Cina atau sebagainya,

kerajaan tidak ada niat begitu.

Cuma di Malaysia saja yang ada sekolah bahasa bukan kebangsaan. Di negara lain di Asia Tenggara tidak dibenarkan, di Amerika Syarikat tidak dibenar, di Australia tidak ada sekolah Cina yang dibiayai oleh orang Australia, namun ada orang kita yang tidak puas hati dengan negara kita berpindah ke Australia.

Saya tidak faham mengapa mereka bersikap demikian, sebaliknya negara kita memberi kehidupan yang sempurna, kepada kita semua, kita fikir sama,

kita selesaikan secara rundingan, Malaysia menjadi negara terkenal, terkenal kerana macam-macam sebab.

Pertamanya, negara kita berbilang kaum ini aman, maju dan sekarang ramai

rakyat Malaysia telah pergi ke negara lain untuk bekerja dan berniaga. Saya berada di Papua New Guinea, dulu tidak ada orang Malaysia pun, sekarang ada 3,000 orang Malaysia di Papua New Guinea.

Mereka berjaya, mereka tidak lupa bahawa mereka adalah dari Malaysia. Sambutan yang hangat diberi kepada saya bila saya tiba di Papua New Guinea

dan kita ada perjumpaan dan masing-masing memperingati diri bahawa mereka adalah rakyat Malaysia. Mereka bangga menjadi rakyat Malaysia.

Ini adalah perasaan baru, iaitu bangga menjadi orang Malaysia. Di New York ada 100,000 rakyat Malaysia dan saya diberi sambutan juga di New York

dengan kehadiran ratusan rakyat Malaysia, mereka juga menyanyi lagu kebangsaan dan lain-lain lagu patriotik.

Dan mereka walaupun berada di luar negara dan kadang-kadang menjadi

penduduk tetap di sana, tetapi pasport Malaysia mereka tidak digugurkan kerana mereka hendak balik ke Malaysia.

Sebabnya ialah kita berjaya membangunkan negara kita, menentukan keamanan dalam negara kita sehingga rakyat kita berasa cinta kepada negara sendiri dan walaupun mereka bekerja di luar negara, mendapat pendapatan yang tinggi, mereka tidak lupa bahawa mereka adalah rakyat Malaysia.

Kita berjaya membina sebuah negara iaitu yang memberi kehidupan yang baik, yang beri kita kebanggaan dan ia dihormati semua pihak. Sebab itulah

kita mesti kekalkan cara kita itu agar di masa depan Malaysia akan terus maju dengan rakyatnya akan terus mendapat kehidupan yang terus selesa.

Inilah harapan kita semua, ini juga adalah harapan saya di waktu saya berundur diri dari arena politik ini.

Saya berundur diri kerana agak lama juga, ada dalam kerajaan daripada 1974, sekarang ini sudah 29 tahun berkhidmat dalam kerajaan, itu campur sebagai Perdana Menteri, jadi masanya sudah tiba untuk saya bersara.

Saya berasa amat puas hati dan gembira, kerana saya tidak dihalau daripada arena politik, sebaliknya saya masih dapat sokongan sewaktu saya

bersara sekali pun, secara langsung, saya tidak akan terbabit. Saya tidak

akan pegang apa-apa jawatan, tidak akan jadi menteri kanan dalam Kabinet,

tetapi apabila tiba masa pilihan raya, saya akan cuba berkempen untuk semua parti.

Sebabnya ialah oleh kerana saya percaya, hanya BN saja yang boleh membawa kebaikan dan kemajuan kepada negara kita dan BN adalah gabungan parti-parti politik yang mempunyai asas-asas yang berbeza dan kemajuan gabungan ini bergantung kepada kemajuan parti-parti komponen. Sebab itu saya berasa amat gembira melihat pemulihan PPP dan saya yakin ia akan beri

sumbangan yang baik kepada kejayaan BN.